

Headline	Idola Dan Jen-ii Merapatkan Jurang Digital		
Date	25. May 2008	Language	MALAY
Media Title	Mingguan Malaysia	Page No	23
Section	Megabait	Article Size	657 cm²
Circulation	483240	Frequency	Daily
Readership	1810000	Color	Full Color



AHAD 25 MEI 2008

Megabait • 23 **Mingguan**
Cetakan Hari Raya Raya





Idola dan Jen-ii merapatkan jurang digital

OLEH
KHAIRUNNISA SULAIMAN

Dijana menggunakan pemprosesan terkini Intel, Idola disasarkan bagi kanak-kanak sekolah yang sama seperti komputer biasa

MERAPATKAN jurang digital antara penduduk bandar yang lama terdedah dengan teknologi maya dan penduduk luar bandar terutama warga emas yang tidak pernah menyentuh komputer bukanlah suatu tugas yang mudah.

Bagi memberikan mereka peluang merapatkan diri dengan teknologi terkini MIMOS Berhad telah mengambil langkah mencipta komputer yang sesuai digunakan untuk mereka yang pertama kali menggunakan komputer.

Pengurus Kanan, Pengurusan Portfolio Teknologi MIMOS Berhad, Shahidan Abdullah berkata, komputer yang diberi nama Jen-ii disasarkan bagi kegunaan suri rumah berusia 35 tahun ke atas di kawasan luar bandar.

"Penggunaan yang telah diperpermudahkan dengan skrin sentuh serta butang-butang ikon tertentu bagi memberikan keselesaan kepada pengguna.

"Sebagai pengguna pertama, kajian kami mendapati mereka hanya memerlukan beberapa pencarian seperti resipi, mengikuti kelas agama secara dalam talian, akhbar, mesin kira dan cuaca," katanya semasa ditemui di pameran sempena Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT) 2008 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menyentuh mengenai harga yang ditawarkan Shahidan berkata, pengkomersialan Jen-ii sedang dijalankan dengan kerjasama syarikat swasta.

Apa yang lebih membanggakan produk berkenaan telah memerangi Anugerah Rekaan Industri, Anugerah Harta Intelek Kebangsaan 2008.

Selain Jen-ii, MIMOS Berhad tidak mengabaikan komputer bagi generasi muda bagi menjana masyarakat bermaklumat.

Shahidan berkata, dalam masa dua atau tiga tahun lagi, komputer pasti akan menjadi keperluan bagi setiap pelajar menyudahkan tugasannya mereka.

Bagi menyelesaikan masalah berkenaan, Mimos telah menjalankan kajian mengenai komputer bagi pelajar sekolah.

"Hasilnya kami dapat mengeluarkan Idola yang bukan saja ringan, menarik tetapi sama seperti komputer biasa," katanya.

Dijana menggunakan pemprosesan terkini Intel, Idola disasarkan bagi kanak-kanak sekolah yang sama seperti komputer biasa.

Idola juga dilengkapi dengan sambungan jalur lebar tanpa wayar, Bluetooth serta sedia dengan IPv6.

Gabungan semua ini membolehkan pelajar melayari Internet dan melakukan tugasannya di mana saja mereka berada.

Tidak didatangkan dengan papan kekunci, Idola menggunakan skrin sentuh bagi aplikasinya serta papan kekunci lembut (*soft keyboard*).

Bagi mereka yang mahu menggunakan papan kekunci fizikal, terdapat port USB atau Bluetooth untuk menyambungnya.

Peningkatan

Jen-ii merupakan peningkatan daripada PC Makcik yang dilancarkan November tahun lalu.

Apa yang lebih menarik Jen-ii disambung kepada peti televisyen dan semuanya akan dipaparkan di layar.

Jen-ii didatangkan dengan teknologi komunikasi terkin bagi menyahut seruan kerajaan menjana masyarakat bermaklumat.

Shahidan berkata, Jen-ii dilengkapi dengan Bluetooth, WiFi, skrin sentuh dan kemudahan sambungan jalurlebar.

Justeru kandungannya dapat dikemas kini setiap hari mengikut daerah misalnya apabila melibatkan waktu solat.

Melihat kepada saiznya yang kecil dan ringan, Jen-ii sesuai diletakkan di mana ia mudah digunakan.